Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-05

Tipologi Rumah Bujang dalam Seni Bina Warisan Melayu Terengganu: Satu Analisis Konseptual

A Typology of Rumah Bujang in the Malay Architectural Heritage of Terengganu: A Conceptual Analysis

HAFIZAH HASDI, RUHAIZAN SULAIMAN* & KAMARUL AFIZI KOSMAN

Received:7-10-2025 /Accepted: 7-10-2026

ABSTRAK

Rumah Bujang merupakan bentuk rumah tradisional Melayu Terengganu yang mempunyai struktur asas ringkas dan kepelbagaian susun atur ruang. Walau bagaimanapun, perhatian ilmiah terhadap tipologinya masih terhad khususnya dalam memperjelas asas pembezaan jenis dan hubungannya dengan keperluan kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan menganalisis lima jenis Rumah Bujang dan mentafsir evolusi pembentukan ruangannya berdasarkan kearifan tempatan. Kajian dijalankan menerusi pendekatan kualitatif melalui kajian lapangan dan temu bual. Sumber sekunder turut digunakan iaitu artikel, jurnal dan tesis. Konsep kearifan tempatan diaplikasikan sebagai asas untuk memahami hubungan antara susun atur ruang dengan pengetahuan, budaya dan keperluan penghuni. Analisis melibatkan Rumah Bujang Asas, Rumah Bujang Berserambi Selasar, Rumah Bujang Berserambi, Rumah Bujang Berkembar dan Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga. Hasil dapatan menunjukkan bahawa perbezaan tipologi dapat dijelaskan melalui hubungan rumah ibu dengan ruang tambahan dan penggandaan unit binaan yang menghasilkan perbezaan pelan rumah. Pembentukan ruang tersebut turut dipengaruhi oleh kreativiti tukang, keadaan persekitaran, kemampuan kewangan dan status sosial pemilik. Implikasinya, tipologi Rumah Bujang perlu mengambil kira hubungan antara bentuk, fungsi dan makna ruang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini menyumbang kepada penjelasan asas pembezaan tipologi terhadap penerapan kearifan tempatan dalam seni bina warisan Melayu Terengganu. Kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluas perbandingan kepada Rumah Bujang di lokasi lain bagi menilai kesesuaian asas pengelasan yang dibincangkan.

Kata kunci: Rumah Bujang, Evolusi, Tipologi, Seni bina, Warisan Melayu

ABSTRACT

Rumah Bujang is a traditional Malay house form in Terengganu characterized by a simple basic structure and diverse spatial layouts. However, scholarly attention to its typology remains limited particularly regarding the criteria that distinguish its types and their relationship to the everyday needs of Malay communities. This study aims to analyse five types of Rumah Bujang and interpret the evolution of their spatial configurations through the concept of local wisdom. The study adopts a qualitative approach involving fieldwork and interviews, supported by secondary sources comprising journal articles, books and theses. The analysis examines Rumah Bujang Asas, Rumah Bujang Berserambi Selasar, Rumah Bujang Berserambi, Rumah Bujang Berkembar and Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga. The findings indicate that typological differences can be explained through the relationship between the rumah ibu (main area) and additional spaces together with the repetition of building units that results in distinct house plans. The formation of these spaces is also influenced by the creativity of traditional builders, environmental conditions, financial capacity and owners' social status. These findings suggest that an understanding of Rumah Bujang typology should account for the relationship between spatial form, function and meaning in the lives of Malay communities. This study contributes to clarifying the criteria distinguishing the house types and their relationship to the application of local wisdom in Terengganu's Malay architectural heritage. Further research is recommended to extend comparisons to Rumah Bujang in other locations to assess the applicability of the classification criteria discussed.

Keywords: Rumah Bujang, Evolution, Typology, Architectural, Malay Heritage

PENGENALAN

Rumah tradisional memperlihatkan wujudnya hubungan antara budaya, pengetahuan tempatan dan persekitaran dalam pembentukan kediaman. Menurut Oliver (2006), konteks tipologi dalam rumah vernakular adalah didasari oleh kesinambungan budaya, penyesuaian persekitaran dan fungi serta sosioekonomi. Pemilihan bahan, bentuk binaan dan penyusunan ruang berkembang melalui pengalaman masyarakat dalam memenuhi keperluan kehidupan. Perbezaan keadaan setempat menghasilkan kepelbagaian rumah yang mencerminkan cara masyarakat melakukan kegiatan harian. Oleh itu, penelitian terhadap rumah tradisional memberikan pemahaman tentang bagaimana pengetahuan dan nilai budaya diterjemahkan ke dalam bentuk kediaman serta organisasi ruang.

Alam Melayu terkenal dengan seni bina vernakularnya iaitu rumah kayu, yang melambangkan identiti sosiobudaya, keharmonian alam sekitar dan pengetahuan tempatan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ravi. S (2008) bahawa seni bina rumah warisan Melayu dibangunkan berdasarkan refleksi budaya dan persekitaran masyarakat. Rumah Melayu tradisional diiktiraf sebagai warisan budaya yang signifikan dalam menggambarkan budaya, adat resam dan falsafah tempatan (Mahmoud et al. 2024). Binaan ini menampilkan kebijaksanaan dan nilai estetika yang tinggi dalam pembinaannya (Yusuf et al. 2023). Menurut Sulaiman dan Ahmad (2021), rumah tradisional Melayu berbeza mengikut negeri. Kajian perbandingan antara negeri menunjukkan wujudnya variasi ketara dalam seni bina tradisional Melayu. Misalnya, Rumah Limas Perak dan Rumah Limas Johor menunjukkan elemen hiasan serta makna seni bina yang difokuskan kepada identiti negeri tersebut (Rashidi et al. 2021). Kepelbagaian ini memberikan asas untuk meneliti Rumah Bujang di Terengganu dalam hubungannya dengan pengetahuan tempayan dan keperluan kehidupan masyarakat Melayu.

Rumah Bujang merupakan antara bentuk seni bina rumah warisan Melayu yang terkenal di Terengganu (Nasir dan Wan Teh, 1993). Binaannya mudah dikenali sebagai rumah tiang enam berikutan asas pembinaannya (Raja Bahrin Shah, 1988; Hashim Wahid, 2007). Kepelbagaian susun atur yang melibatkan penambahan ruang dan penggandaan unit binaan menimbulkan persoalan tentang asas pembezaan jenis serta hubungannya dengan keperluan penghuni. Pengenalpastian nama dan ciri fizikal rumah memerlukan penjelasan lanjut tentang bagaimana ruang disusun, dihubungkan dan digunakan supaya pengelasan tipologinya dapat difahami dengan jelas. Oleh itu, artikel ini akan memperjelas kepelbagaian tipologi Rumah Bujang melalui hubungan dengan kearifan tempatan.

RUMAH DAN MASYARAKAT MELAYU

Organisasi ruang rumah Melayu berkait rapat dengan kegiatan dan hubungan sosial penghuninya. Mustafa et al. (2019) menghuraikan pembentukan rumah Melayu berdasarkan beberapa aspek meliputi organisasi ruang, bilangan ahli keluarga, estetik, teknologi serta bahan binaan. Penggunaan ruang pula dikelaskan kepada beberapa fungsi harian yang melibatkan ruang untuk kegunaan tetamu, ruang keluarga dan ruang dapur (Broughton et al. 2023). Pembahagian ini menunjukkan bahawa ruang rumah mempunyai fungsi yang saling berkaitan dalam mengatur kegiatan penghuni. Sabil et al. (2022) turut menekankan kepentingan memahami budaya dan pemikiran Melayu ketika meneliti reka bentuk rumah tradisional. Dalam kajian rumah Melayu, tipologi digunakan untuk membincangkan pengelasan dan kepelbagaian bentuk binaan. Kostof et

al.,(1995) dan Bandini (1984) mengaitkan tipologi dengan ciri bentuk, fungsi dan simbolik bangunan. Kajian tentang rumah tradisional di Kelantan dan Pahang pula memperlihatkan bahawa pengelasan dan ciri binaan boleh merujuk kepada aspek berbeza berdasarkan kedudukan sosial pemilik dan ciri struktur rumah (Johan, 2024;Wan Zailani, 2021). Perbezaan asas pengelasan ini menjadikan perbandingan ciri dan susun atur ruang penting untuk menjelaskan kepelbagaian jenis rumah. Susun atur dan struktur rumah Melayu turut memperlihatkan penyesuaian terhadap alam sekeliling. Ismail Said (2005) membincangkan pertimbangan pengudaraan dan keselamatan dalam reka bentuk dinding tradisional. Malah, pengetahuan pertukangan turut terserlah melalui hubungan antara komponen struktur melalui bukaan dan binaan komponen. Abdul Halim Nasir (1993) menghuraikan sistem rangka tiang yang menyokong bumbung dan dinding rumah Melayu. Menurut Hamzah et al., (2024), pendokumentasian melalui teknologi iaitu *laser cut model* yang dijalankan di Rumah Tok Gajah di Kuala Berang, Terengganu telah meneliti sistem tanggam pada kepala tiang dan kewujudan ruang pengudaraan semula jadi. Kajian tersebut menunjukkan bagaimana dokumentasi terperinci dapat membantu menjelaskan teknik pembinaan rumah warisan. Rumah turut membawa makna yang signifikan kepada adat dan kepercayaan masyarakat. Maamor et al. (2024) menjelaskan wujudnya hubungan bilangan dan kedudukan buah buton pada rumah Negeri Sembilan menerusi konteks Adat Perpatih. Jelaslah bahawa, makna sesuatu unsur binaan perlu difahami berdasarkan amalan setempat dan fungsinya. Perbincangan tentang ruang, tipologi, alam, teknik pembinaan dan makna budaya ini dijadikan kayu ukur untuk membincangkan variasi Rumah Bujang di Terengganu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk penyelidikan Sejarah bagi memahami bentuk dan organisasi ruang Rumah Bujang dalam konteks seni bina warisan Melayu Terengganu. Proses ini melibatkan tiga fasa utama iaitu semakan dokumen, kajian lapangan dan temu bual separa berstruktur. Penelitian menyeluruh dilakukan menerusi rekod pelan Rumah Bujang di Muzium Negeri Terengganu. Pelan tersebut diteliti bagi mengenal pasti susun atur ruang dan ciri binaan yang berkaitan dengan tipologi rumah. Sumber rujukan sekunder turut digunakan melibatkan artikel, akhbar, tesis dan buku. Pada fasa pemerhatian lapangan, pengkaji telah menjalankan kajian ke atas lima buah Rumah Bujang di sekitar Terengganu termasuk di Kuala Terengganu iaitu Losong. Pemilihan rumah mengambil kira keaslian binaan dan saranan pakar. Pemerhatian visual direkodkan melalui fotografi. Manakala, temu bual separa berstruktur dijalankan dengan tiga orang tukang mahir yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pembinaan rumah warisan Terengganu. Identiti mereka dirujuk sebagai Informan Y1, Informan Y2 dan Informan Y3. Temu bual dijalankan bertujuan mendapatkan keterangan tentang ciri binaan dan pengetahuan pertukangan serta membantu menyemak maklumat diperoleh daripada pelan dan pemerhatian. Data dianalisis secara kualitatif melalui perbandingan tipologi lima buah Rumah Bujang. Maklumat disusun mengikut aspek bentuk binaan, susun atur, fungsi dan hubungan antara ruang. Penelitian turut dilakukan kedudukan *rumah ibu*, ruang tambahan dan penggandaan unit binaan. Susunan tipologi daripada bentuk ringkas kepada bentuk yang lebih kompleks merujuk kepada tahap kerumitan organisasi ruang bukannya urutan kronologi evolusi antara jenis rumah.

TEORI ATAU KONSEP

Kearifan tempatan dalam kajian ini digunakan sebagai lensa konseptual utama bagi memacu hubungan antara bentuk fizikal Rumah Bujang dengan pengetahuan, nilai, pengalaman dan penyesuaian masyarakat setempat. Kearifan tempatan terbentuk melalui proses yang panjang melibatkan pengalaman hidup, pekerjaan dan budaya yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi berikutnya (Azmin et al. 2021). Dalam konteks seni bina rumah tradisional Melayu, pengetahuan dan pengalaman tersebut turut diterjemahkan melalui tradisi pertukangan. Manakala, pembentukan rumah dipengaruhi oleh tradisi, aktiviti sosiobudaya, cara hidup dan keadaan persekitaran. Sulaiman et al., (2021) menjelaskan bahawa seni bina rumah tradisional Melayu mencerminkan falsafah pemikiran dan kearifan masyarakat tempatan. Kajian terhadap seni bina tradisional Terengganu menunjukkan bahawa ciri fizikal dan susun atur ruang rumah mencerminkan nilai, kepercayaan, identiti dan hubungan masyarakat dengan konteks setempat (Zainal Abidin et al., 2024). Perkaitan secara terus dengan tipologi seni bina adalah kelasan persamaan atau perbezaan antara Rumah Bujang berdasarkan ciri bentuk dan susunan elemen ruangannya. Menurut Moneo (1979), tipologi membolehkan binaan dicirikan melalui variasinya. Perkara ini disokong oleh Sabil et al. (2021) yang menekankan pendekatan tipologi yang digunakan untuk membuat penilaian dan klasifikasi bangunan berdasarkan reka bentuk yang dikongsi bersama. Oleh itu, konsep kearifan tempatan dan tipologi menjadi asas bagi mengenal pasti variasi Rumah Bujang secara sistematik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Rumah Bujang boleh dikategorikan kepada lima tipologi utama meliputi Rumah Bujang Asas (Tiang Enam) iaitu bentuk paling ringkas, Rumah Bujang Berserambi yang mengalami evolusi dengan penambahan serambi sebagai ruang peralihan sosial dan Rumah Bujang Berkembar iaitu perkembangan lanjut dengan gabungan dua atau lebih modul bujang asas yang membentuk rumah yang lebih besar. Setiap tipologi ini menunjukkan transformasi dari segi bentuk, fungsi dan makna simbolik yang berkait dengan keperluan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat Terengganu.

RUMAH BUJANG ASAS

Binaan Rumah Bujang merupakan struktur yang paling ringkas dan asas oleh masyarakat khususnya kepada golongan bujang dan belum berkahwin (Abdullah, 2012). Pelan rumah hanyalah berbentuk segi empat tepat dengan satu ruang utama yang berfungsi sebagai keseluruhan aktiviti keluarga yang berubah seiring waktu. Seni bina rumahnya tidak kompleks dan mempunyai motif ukiran yang minimum sahaja kerana rumah ini dianggap sebagai rumah permulaan (Abdullah et al., 2024). Struktur ini dibina melalui enam batang tiang utama yang menjadi kerangka sokongan untuk menyokong lantai sekali gus dikenali sebagai rumah tiang enam di Terengganu (Abdullah, 2012). Jumlah bilangan tiang dalam struktur ini menunjukkan peranan penting sebagai entiti yang menahan beban rumah (Tenas Effendy, 1989). Bentuk ini merupakan paling sesuai dan mudah dikembangkan yakni titik permulaan pembinaan rumah sebelum dikembangkan kepada bentuk yang lebih besar pada masa hadapan. Oleh itu, binaannya dianggap modular kerana ruangannya dapat ditambah apabila berlaku pertambahan ahli keluarga atau kemampuan ekonomi. Menerusi

catatan Raja Bahrin (1988), pembinaan Rumah Bujang asas ini hanya memakan masa lima hari sahaja untuk dirobohkan dan empat hari bagi mendirikannya semula di tapak yang baharu.

RUMAH BUJANG BERSERAMBI SELASAR

Bentuk binaan rumah ini diklasifikasikan sebagai seni bina terawal dan paling popular di timur laut Semenanjung Malaysia khususnya di Terengganu (Abidin et al., 2024). Rumah ini juga turut digelar sebagai Rumah Tiang Dua Belas di Terengganu. Pada pandangan hadapan, tiga batang tiang sangat jelas terlihat sebaliknya dari pandangan sisi menunjukkan empat batang tiang didirikan dengan keseluruhannya berjumlah dua belas batang (Kamaluddin et al., 2018). Identifikasi rumah ini dapat dilihat apabila wujud penambahan ruangan serambi pada bahagian kiri atau kanan *rumah ibu* (Kamarudin, 2015). Serambi ini digunakan sebagai ruang peralihan antara luar dan dalam serta tempat untuk berehat bahkan menjalankan aktiviti sosial (Abd Rashid et al., 2025). Menurut Mahadzirah et al., (2016), rumah ini banyak didiami oleh orang alim. Buktinya, salah seorang pemilik asal Rumah Bujang berserambi selasar ini merupakan seorang yang arif dalam bidang agama iaitu Tuan Hj Abdul Kadir yang digelar Syeikh Abdul Kadir Kolam (Farhana, 2021). Malah, perbezaan ketara binaan rumah ini adalah menerusi struktur tambahan selasar iaitu laluan panjang yang menghubungkan ruang dalam rumah dan memberikan pencahayaan udara serta cahaya semula jadi yang mencukupi (Abdullah, 2012).

RUMAH BUJANG BERSERAMBI

Rumah Bujang Berserambi digelar Rumah Tele di Terengganu yang dikesan sebagai Istana Tengku Nik. Menurut Harun dan Samsudin (2022), Rumah Tele turut dikenali sebagai Rumah Tiang Enam Belas di Terengganu kerana menggunakan struktur asas bahagian bawah sebagai perenggan tiang utama. Ungkapan panggilan ‘Tele’ adalah merujuk kepada maksud pembahagian antara ruang bahagian rumah yang bersambung dengan bahagian istana yang dikhususkan untuk kaum wanita melakukan aktiviti basahan dan berehat (Mohd Asri dan Zainal, 2023). Kenyataan ini selari dengan Jaafar (1984) bahawa binaan Tele merupakan binaan asal seni bina istana Sultan Terengganu. Rumah ini dikatakan unik berbanding dengan struktur rumah lain disebabkan mempunyai struktur tambahan di tengah ruangan bahagian dapur dan *rumah ibu* yang dikenali sebagai rembat berukuran setinggi 1.5 kaki dari lantai dapur. Menurut Shamsu dan Suhaily (2015), keluasan rumah ini adalah 18.8 m x 10.9 m dan berketinggian 7.78 m serta ukuran ketinggian lantai ke tanah adalah 2.12 m.

RUMAH BUJANG BERKEMBAR

Rumah warisan ini menampilkan binaan yang unik dengan menggabungkan dua bentuk Rumah Bujang sehingga digelar Rumah Bujang Berkembar di Terengganu. Reka bentuk rumah ini yang paling ketara adalah melalui bumbungnya yang panjang dengan pemeleh di kedua-dua hujungnya menyerupai ‘V’ terbalik. Hasilnya, gabungan dua binaan bumbung panjang menampakkannya seperti huruf ‘W’ terbalik (Faizal, 2024). Pembahagian ruangan rumah ini lebih jelas dan efisien merangkumi tiga ruang iaitu ruang hadapan, ruang ibu dan ruang dapur. Binaan rumah ini menunjukkan penggunaan dinding janda berhias dan anyaman buluh bercorakkan siku keluang pada keseluruhannya seperti pada Rajah 1. Manakala, terdapat pintu malim atau dikenali sebagai pintu labuh yang berfungsi sebagai pintu kecemasan kepada penghuninya.



RAJAH 1. Corak siku Keluang pada rumah bujang berpeleh.

RUMAH BUJANG BERPELEH BERKEMBAR TIGA

Rumah ini merupakan evolusi struktur binaan Rumah Bujang yang paling tinggi hierarkinya di Terengganu. Binaan ini telah mengalami perkembangan daripada struktur tiang dengan tambahan pemeleh pada kedua-dua hujung bumbung. Kajian lapangan di Rumah Hj Su, Losong ini mendapati rekaan rumah berkenaan adalah saling berkait dengan status pemilik rumah berkenaan iaitu seorang saudagar kaya yang menceburi bidang perdagangan (Abdullah, 2012). Menurut Arkitek Punca Cipta (2012), susun atur ruang rumah ini meliputi anjung, serambi, *rumah ibu,* sorong, kelek anak, rumah dapur, pelantar dan ruang padi atau dikenali sebagai baloh padi. Ruangan pada rumah ini lebih besar dan luas memenuhi keperluan peribadi dan sosial. Setiap ruangan rumah ini memperlihatkan urutan hierarki yang bersifat privasi bermula daripada anjung sehinggalah ke ruang ibu. Manakala, komponen binaan pula adalah seperti jumlah tiang sebanyak 60 batang berukuran 100 x 150 dan 8 batang tiang berukuran 200 x 200 pada bahagian *rumah ibu,* bendul di sisi rumah, enam tangga pada kedudukan yang berlainan bentuk dan bilangan anak tangga yang berbeza, lantai renggang lebih kurang 3 mm, dinding luaran dan dalaman, dua jenis tingkap dengan keseluruhan 28 panel tingkap, bumbung curam serta mempunyai pemeleh. Motif dan ukiran pada rumah ini terlihat lebih menonjol berbanding Rumah Bujang yang lain dihiasi flora seperti ukiran awan larat jenis corak silang dan ukiran unsur pucuk kacang laut pada Rajah 2 kerana sinonim dengan kawasan Losong, Terengganu.



(a)  (b) 




RAJAH 2. (a) dan (b) merupakan contoh ukiran pada Rumah Bujang Berpeleh Tiga Berkembar di Rumah Hj Su, Losong


PELAN TEKNIKAL TIPOLOGI

Pelan Rumah Bujang asas berbentuk segi empat dengan enam tiang utama sebagai struktur sokongan utama. Pengkelasan pelan ini mendapati perubahan dari segi penambahan ruangan dan fungsinya. Jadual 1 di bawah meringkaskan tipologi yang dikenal pasti berdasarkan sintesis dan analisis visual.

JADUAL 1. Pelan teknikal tipologi Rumah Bujang di Terengganu

Jenis Rumah	Pelan Tipologi Rumah Bujang	Susun atur
Rumah A: Rumah Bujang Asas  Sumber: Raja Bahrin	 Sumber: Olahan Penulis (2025)	Hanya ruang ibu

Rumah B: Rumah Bujang Berserambi Selasar  Sumber: Kampung Budaya Terengganu (KBT)	 Sumber: Muzium Negeri Terengganu (2025)	Ruang Ibu dan penambahan serambi di hadapan
Rumah C: Rumah Bujang Berserambi  Sumber: Kampung Budaya Terengganu (KBT)	 Sumber: Muzium Negeri Terengganu (2025)	Ruangan dikhususkan untuk penggunaan wanita
Rumah D: Rumah Bujang Berkembar  Sumber: Kampung Budaya Terengganu (KBT)	 Sumber: Muzium Negeri Terengganu (2025)	Gandaan dua unit *rumah ibu* yang disusun secara bersebelahan

Rumah E: Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga Lokasi: Losong, Terengganu 	 Sumber: Arkitek Punca Cipta (2012)	Penambahan dan gandaan unit binaan di bahagian hadapan serta sisi rumah.

Pembinaan Rumah Bujang di Terengganu adalah selaras dengan pemikiran Stanford Anderson (1999) yang mentakrifkan sistem ingatan, sosial dan disiplin. Perkaitan di antara ketiga-tiganya telah membawa kepada keunikan seni bina itu sendiri. Menelusuri seni bina di Terengganu, konsep persekitaran dan kehidupan sosial masyarakat yang menjalankan aktiviti perikanan di pesisir pantai mahupun laut telah menyebabkan binaan Rumah Bujang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Pertama, Rumah Bujang ini menepati konteks tropika lembap yang diaplikasikan pada bentuk bumbung panjang dan bukaan pemeleh pada penggunaan jerus 45 darjah iaitu sudut yang amat sesuai untuk mengatasi rintangan angin mahupun hujan. Tambahan pula, penggunaan atap singgora pada binaan bumbung yang dipasang pada kayu gulung-gulung adalah ideal untuk mengatasi suhu yang panas kerana atap bata berkenaan berfungsi menurunkan suhu secara semula jadi. Manakala, kebanyakan Rumah Bujang Terengganu adalah bertiang atau berpanggung dan mempunyai ketinggian yang sama iaitu sekitar lapan ke sepuluh kaki untuk mengatasi masalah banjir. Kesemua kriteria ini saling bersandaran dan disesuaikan dengan pembinaan Rumah Bujang di Terengganu.

EVOLUSI STRUKTUR DAN ELEMEN SENI BINA

Struktur Rumah Bujang di Terengganu dibina dengan sistem yang sangat fleksibel membolehkan rumah ini diubah, ditambah atau dipindahkan tanpa menjejaskan integrasi asalnya. Asas penyambungan yang menggunakan sistem pasak dan tanggam membolehkan kayu-kayu disusun dan dipasang semula. Penggunaan tanggam memberikan kemudahan untuk proses pembukaan dan pemasangan semula struktur tanpa kerosakan. Perincian kajian lapangan mendapati tipologi Rumah Bujang dicirikan dengan bilangan tiang yang berbeza. Tiang berfungsi sebagai penanda asas tipologi bermula dengan enam tiang pada Rumah Bujang dan berkembang menjadi lebih banyak bagi struktur rumah yang ditambah selepasnya. Manakala, bilangan pemeleh turut memperlihatkan perbezaan iaitu wujudnya keadaan di mana berlaku penambahan dari sisi kanan atau kiri. Perubahan ketara dalam tipologi Rumah Bujang asas juga dapat dilihat menerusi kewujudan ruang sosial yang nyata iaitu serambi yang berperanan penting sebagai medan kemasyarakatan dan integrasi perpaduan orang zaman dahulu. Klasifikasi Jadual 2 di bawah menunjukkan evolusi struktur seni bina Rumah Bujang di Terengganu.

JADUAL 2. Evolusi struktur binaan Rumah Bujang

Evolusi struktur	Rumah A	Rumah B	Rumah C	Rumah D	Rumah E
Bilangan Tiang	6	12	12	16	18
Bentuk bumbung	Perabung panjang tanpa elemen tambahan	Perabung panjang dan pemeleh di hujung bumbung	Perabung panjang dan mempunyai pemeleh di bahagian serambi	Perabung panjang dan dua pemeleh	Perabung panjang dan tiga pemeleh
Kewujudan penambahan ruang	0	2	2	2	6
Bilangan tangga	1	2	2	2	4
Ragam hias	Hampir tiada	Ada	Ada	Ada	Kompleks

DIMENSI SIMBOLIK

Temu bual dengan tukang kayu mendapati bahawa evolusi Rumah Bujang tidak hanya berkaitan keperluan fizikal tetapi mencorakkan masyarakat mendepani perubahan yang berlaku. Beberapa tukang mahir telah menjustifikasikan perkaitan perubahan yang berlaku menerusi beberapa argumen tertentu. Maka, menurut informan 1, segala perubahan yang berlaku adalah mendasari kepada kepentingan pada waktu tersebut. Malah, informan 1 turut menjelaskan:

> …Jenis Rumah Bujang yang semakin besar ini mencirikan kepada daya pemikiran orang dahulu dalam mengatasi masalah ruangan dan bagaimana untuk meletakkan garis sempadan jantina antara lelaki dan perempuan.
>
> (Informan Y1)

Manakala, terdapat juga pembahagian ruang yang berakar daripada nilai kesucian dan peraturan sendiri. Berdasarkan informan 2, setiap ruang mempunyai lapisan makna tetapi tidak terlihat secara eksplisit dan sentiasa berubah-ubah seiring waktu.

> …Dalam rumah Melayu, bilik tidak dijelmakan secara terus. Namun, ruang pada rumah sudah ditentukan sejak turun-temurun meliputi bahagian tetamu, bahagian keluarga dan ruangan khas yang tidak boleh sembarangan orang masuk.
>
> (Informan Y2)

Tambahan lagi, ruangan tambahan seperti baloh padi atau ruangan kolong merupakan penyelesaian kepada tempat penyimpanan barang atau bahan makanan. Menurut informan 3, orang dahulu banyak memelihara haiwan ternakan seperti lembu dan penyimpanan padi.

> ...Terdapat ruangan yang tidak ketara ditonjolkan fungsinya tetapi penting untuk masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian .
>
> (Informan Y3)

Jadual 3 di bawah menunjukkan dimensi simbolik Rumah Bujang yang dibahagikan kepada zon ruang. Beberapa pandangan yang diutarakan adalah berkait rapat dengan simbolik tukang terhadap evolusi Rumah Bujang di Terengganu.

JADUAL 3. Dimensi simbolik tukang terhadap evolusi Rumah Bujang

Zon Ruang	Simbolik Tukang	Makna ruang	Nilai Budaya
Serambi	Menyelesaikan masalah ruangan	Ruang keterbukaan	Hubungan dengan tetamu
Ruang ibu	Mendasari hukum Islam	Ruang privasi	Identiti kekeluargaan
Kolong	Tempat penyimpanan	Sempadan bawah rumah	Perlindungan
Dapur	Mengatasi isu keselamatan	Ruang domestik	Aktiviti harian

PENGGUNAAN RUANG BERASASKAN HIERARKI ZON

Berdasarkan pelan pada Rumah Bujang di Terengganu, penggunaan ruang berasaskan hierarki zon dapat dilihat secara tersurat dan tersirat melalui pembahagian tiga zon utama iaitu zon awam dan separa awam. Pembahagian ini bukan sahaja mengatur fungsi ruang secara praktikal tetapi juga memastikan hubungan di antara penghuni dengan tetamu. Berdasarkan Jadual 4 di bawah, ruangan yang paling penting ialah *rumah ibu* kerana menunjukkan kesinambungan elemen dan fungsi. Pada masa yang sama, teras ajaran Islam menjadi satu asas pembahagian yang utuh untuk perbezaan ruang. Hal ini sekali gus menjadikan terdapatnya ruang yang wujud pada waktu tertentu. Setiap Rumah Bujang dinaikkan di atas tiang kayu yang berukuran hampir 8x8 kaki sehingga mewujudkan ruang bawah lantai (kolong) yang menyediakan pelbagai tujuan. Manakala, tingkat atas dilihat lebih fleksibel kepada rutin dan amalan sosial. Kesemua zon ini adalah saling berinteraksi mengikut keperluan. Malah, satu ciri yang menarik pada Rumah Bujang ialah perubahan ruang secara neutral. Kebanyakkan Rumah Bujang tidak mempunyai bilik, sebaliknya hanya mempunyai ruangan yang kosong. Maka, ruang tidak bersifat statik, sebaliknya mengikut masa. Kewujudan ruangan khas ini bergantung pada siang dan malam. Pada waktu malam, ruangan *rumah ibu* akan beralih antara ruang rehat dan ruang keluarga, manakala pada waktu siang dijadikan ruangan sosial. Susunan zon ini memperlihatkan fungsi ruang yang menekankan fleksibiliti fungsi dalam satu bentuk seni bina.

JADUAL 4. Susunan zon berdasarkan fungsi ruang pada Rumah Bujang

Zon	Fungsi Siang	Fungsi malam	Hierarki
Zon Awam (Serambi/ Selasar)	Ruang sosial, menerima tetamu	Jarang digunakan	Zon sosial
Zon Separa Awan (*Rumah Ibu)*	Tempat berkumpul keluarga	Ruang tidur utama	Zon privasi

PENGGUNAAN BAHAN BINAAN

Berdasarkan piawaian Jabatan Warisan Negara (2017), terdapat sebelas komponen utama yang membentuk rumah tradisional. Kajian ke atas Rumah Bujang di Terengganu menunjukkan kesemua komponen ini dibina dengan menggunakan bahan tempatan yang dipilih berdasarkan faktor ketahanan, ketersediaan dan kesesuaian iklim tropika lembap. Penggunaan kayu dalam pembinaan rumah telah dikategorikan dalam kategori kayu keras berat, kayu keras sederhana, kayu keras ringan dan kayu lembut di Malaysia. Kebanyakan asas Rumah Bujang dicirikan oleh bahan alami yang serupa seperti penggunaan kayu cengal kerana sifatnya yang kuat. Struktur binaan rumah Bujang juga melibatkan penggunaan kayu lain seperti merbau dan meranti. Perbezaan penggunaan kayu ini boleh dilihat dari aspek dinding dan lantai pada Rumah Bujang. Manakala, terdapat juga bahan binaan lain yang serupa digunakan walaupun berlakunya perubahan tipologi


seperti atap singgora di bahagian bumbung. Sebaliknya, elemen dinding pula memperlihatkan perubahan yang ketara dari sudut ukiran dan penggunaan bahan. Jadual 5 di bawah menunjukkan elemen struktur bahan binaan lain pada rumah bujang yang menandai kepelbagaian Rumah Bujang di Terengganu.

JADUAL 5. Penggunaan bahan binaan pada elemen struktur binaan Rumah Bujang Terengganu

Elemen	Rumah A	Rumah B	Rumah C	Rumah D	Rumah E
Bumbung	Rumbia/ Nipah	Atap singgora	Atap singgora	Atap singgora	Atap singgora
Lantai	Kayu jarang	Kayu rapat dan lebih kukuh	Kayu keras dan lebih tebal	Kayu keras dan lebih tebal	Kayu keras dan lebih tebal
Dinding	Papan kayu, buluh	Buluh	Papan kayu dan minimal ukiran	Papan kayu dan minimal ukiran	Papan kayu dan kompleks


Rumah Bujang di Terengganu menunjukkan binaannya bukan sekadar entiti tunggal tetapi tipologi yang berkembang sebagai suatu proses evolusi seni bina berasaskan kearifan tempatan. Menurut Flavier (1995), kearifan tempatan merupakan pengetahuan inovasi lokal dan kreativiti unik merujuk kepada sesuatu komuniti. Peredaran masa telah melahirkan masyarakat yang memahami dan mengadaptasi selaras dengan keperluan sosio budaya (Sutarto, 2013; Sutarto, 2016). Perkara ini selari dengan pembinaan seni bina Rumah Bujang di Terengganu yang terhasil daripada sifat kreatif dan hubungan langsung dengan alam sekitar. Misalnya, Rumah Bujang Asas pada awalnya berfungsi bagi memenuhi asas keperluan manusia iaitu tempat perlindungan daripada binatang buas dan bahaya. Kesederhanaannya sepadan dengan corak penempatan awal di Terengganu iaitu melibatkan ketersediaan sumber dan keperluan fungsi yang minimal.

Pelan Rumah Bujang Asas menunjukkan elemen penting dalam binaan Rumah Bujang iaitu *rumah ibu* sebagai ruang teras. Kedudukan *rumah ibu* berfungsi menjadi titik rujukan utama dalam perkembangan jenis Rumah Bujang di Terengganu. Penggunaan *rumah ibu* bersifat fleksibel dengan perubahan fungsi mengikut masa. Pada waktu siang, ruang ini digunakan sebagai ruang sosial dan aktiviti harian. Manakala, pada waktu malam, ruang ini digunakan sebagai ruang rehat atau ruang keluarga. Analisis pelan Rumah Bujang menunjukkan kemasukan ke ruang dalaman rumah berlaku secara terus ke *rumah ibu* tanpa ruang peralihan seperti pada Rajah 3. Ketiadaan ruang ini menyebabkan kawalan pergerakan dari luar ke dalam rumah berlaku secara langsung tanpa lapisan ruang.



RAJAH 3. Ilustrasi pelan ruangan pada Rumah Bujang Tok Tinggi yang Dikenali sebagai *rumah ibu*
Sumber: Olahan Pengkaji (2025)

Penambahan selasar pada Rumah Bujang Berserambi Selasar memainkan peranan penting dalam menentukan hubungan antara ruang rumah. Selasar dibina berfungsi sebagai ruang peralihan seperti pada Rajah 4. Kedudukannya sejajar dengan pintu masuk utama telah membentuk laluan di bahagian hadapan yang menghubungkan kawasan luar dengan bahagian dalam rumah. Susunan ini menjadikan hubungan antara ruangan lebih bersifat privasi (Informan Y1). Kemasukan ke ruang dalaman rumah tidak lagi berlaku secara terus seperti Rumah Bujang. Sebaliknya, melalui ruang selasar terlebih dahulu. Kehadiran selasar telah memperkenalkan zon separa terbuka yang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti harian. Hal ini menyebabkan wujudnya ruangan yang mempunyai pemisahan antara ruangan lelaki dan perempuan. Uniknya, binaan ini menunjukkan bagaimana ruangan selasar digunakan bagi aktiviti keagamaan (Informan Y3). Kehadiran ruang ini menunjukkan usaha awal untuk memperbaiki kawalan pergerakan dan penggunaan ruang tanpa melibatkan perubahan besar pada struktur dalaman rumah. Penambahan selasar ini telah dilihat menjadi pelindung kepada ruang dalaman bagi pencerobohan pandangan luar. Secara tidak langsung, ruangan ini memperlihatkan pemisahan awam dan ruang privasi selaras adab dan kesantunan budaya Melayu.




RAJAH 4. Ilustrasi Pelan Ruangan pada Rumah Bujang Berserambi Selasar
Sumber: Olahan Pengkaji (2025)

Manakala, serambi pula dilihat sebagai zon penampan antara ruang luar khususnya selasar dengan ruang dalaman iaitu *rumah ibu*. Kedudukan ini selari dengan konsep privasi dalam masyarakat Melayu. Serambi dizahirkan sebagai kawalan sempadan dalam penerimaan tetamu berbanding dengan ruangan selasar yang lebih bersifat terbuka. Serambi digambarkan sebagai zon separa privasi yang melibatkan penghuni dan tetamu bersosial. Pengawalan pergerakan antara serambi dan *rumah ibu* jelas dilihat menerusi kehadiran bendul sebagai persempadanan. Oleh itu, penambahan ruang pada Rumah Bujang Berserambi Selasar menunjukkan tipologi Rumah Bujang yang dibina penuh dengan tatatertib yang memicu kepada kesejahteraan penghuni rumah.

Perbandingan ketara pada Rumah Bujang Berserambi Selasar adalah penambahan serambi dalam Rumah Bujang Berserambi yang menghasilkan hubungan antara ruang utama yang tersusun (Rajah 5). Kehadiran serambi sebagai ruang hadapan berbumbung penuh menjadikan kemasukan ke rumah tidak lagi berlaku melalui ruang peralihan tetapi melalui satu ruang yang telah dirancang


sebagai sebahagian daripada susunan ruang utama (Informan Y1). Keadaan ini mewujudkan pemisahan ruang yang lebih jelas antara ruang luar, ruang hadapan dan ruang dalaman utama. Kehadiran serambi berbumbung penuh menjadikan organisasi ruang tidak lagi bersifat satu zon seperti Rumah Bujang atau Rumah Bujang Berserambi Selasar. Sebaliknya, susunan ini memperlihatkan peralihan kepada organisasi ruang yang lebih berhierarki dengan serambi berfungsi sebagai ruang perantara yang aktif dan digunakan secara berterusan. Dalam penggunaan harian, serambi menyediakan ruang yang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti tanpa menjejaskan ruang dalaman utama. Perubahan ini menunjukkan peningkatan keperluan terhadap ruang hadapan yang bukan sekadar laluan tetapi sebagai ruang guna sebenar bagi aktiviti sosial dan kekeluargaan.



RAJAH 5. Ilustrasi Pelan Ruangan pada Rumah Bujang

Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga mewakili kemuncak perkembangan tipologi rumah bujang di Terengganu. Jenis rumah ini menunjukkan bagaimana strategi penambahan ruang berkembang daripada penyesuaian minimum dalam Rumah Bujang kepada penambahan unit binaan yang berlapis dan kompleks. Kedudukannya dalam tipologi memperlihatkan keupayaan sistem rumah Melayu untuk berkembang secara berperingkat tanpa mengubah prinsip asas hierarki ruang. Rumah ini bukan sekadar kediaman berskala besar tetapi menjadi bukti kepada kearifan tempatan dalam binaan rumah untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan sosial dan keluarga. Paparan pada Rajah 6 menunjukkan keselesaan penggunaan ruang dalaman. Di bahagian hadapan, anjung dan serambi berfungsi sebagai lapisan ruang peralihan yang luas. Manakala di bahagian sisi, ruang sorong membentuk laluan alternatif yang menghubungkan pelbagai unit binaan termasuklah ruang legar. Sorong memudahkan pergerakan harian antara bahagian hadapan, tengah dan belakang rumah. Sorong turut dimanfaatkan sebagai ruang sokongan untuk penyimpanan peralatan dan kerja pembersihan berskala kecil. Pada bahagian belakang, dapur disambungkan melalui konsep *kelek anak* bagi menyokong aktiviti berkaitan memasak. Kedudukannya di bahagian belakang rumah dengan aras lantai yang lebih rendah membezakan fungsi ruang ini daripada *rumah ibu.* Ruang legar berfungsi sebagai ruang penghubung dalaman yang membolehkan pergerakan antara *rumah ibu* dan unit tambahan berlaku secara terlindung.

Ruang ini juga digunakan sebagai kawasan peralihan bagi aktiviti harian yang memerlukan hubungan langsung antara ruang teras dan ruang sokongan. Perkembangan ini menunjukkan peralihan daripada fleksibiliti ruang kepada pengkhususan fungsi sebagai respons kepada keperluan ruang yang semakin meningkat



RAJAH 6. Ilustrasi Pelan Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga
Sumber: Olahan Pengkaji (2025)

Transformasi kepada Rumah Bujang yang lebih kompleks dan penambahan ruang menunjukkan evolusi ketara. Setiap komponen dalaman dan luaran membawa nilai estetika dan praktikal kepada masyarakat. Nordin Misnat et al., (2020), menyatakan bahawa ruangan rumah Melayu tradisional menunjukkan pengekalan keperluan asas budaya walaupun dalam perumahan bandar kontemporari. Misalnya, penambahan serambi bukan sahaja meluaskan kapasiti fungsi rumah tetapi juga menunjukkan kepentingan yang semakin meningkat dalam amalan seharian kehidupan masyarakat Terengganu. Kewujudan ruang awam dan separa awam adalah selaras dengan nilai keterbukaan (Jaffar dan Harun, 2020). Tambahan pula, falsafah seni bina Islam banyak digunakan dalam pembinaan rumah Melayu. Menelusuri struktur ruang di Terengganu, serambi telah dilihat sebagai pengantara hubungan antara ruang peribadi dan ruang awam yang membolehkan interaksi sosial berlaku. Malah, serambi di Terengganu menunjukkan penerapan konsep Islam yang tinggi kerana wujudnya sempadan di antara pemilik rumah dan tetamu. Malah, Rumah Bujang turut dilihat sebagai entiti yang menyemarakkan nilai kemasyarakatan. Aktiviti sosial seperti berkhatan, kenduri perkahwinan, keagamaan banyak dijalankan dalam ruangan rumah (Mohamad Tajuddin, 2011). Maka tidak hairanlah sekiranya rumah ini dianggap menggarap konsep *open floor plan* disebabkan konsep *multifuncional* yang diketengahkan dalam fungsi dan penggunaannya (Logan, 1849).

Perubahan dan perluasan ruang dalam Rumah Bujang ini sebenarnya menggambarkan teras kearifan tempatan orang Melayu yang mengembangkan sesuatu asas kepada bentuk yang lebih bermakna. Sentuhan kearifan tempatan sentiasa menjadikan ruangan sebagai satu kefungsian yang berkembang. Permulaan kepada Rumah Bujang Asas sehingga disusuli dengan perluasan tambahan menunjukkan daya kognitif tinggi dalam pembinaan. Misalnya, rumah tradisional Negeri Sembilan menjelaskan bahawa struktur ruang dalam seni bina Melayu berkembang adalah kesan dari tindak balas terhadap keperluan sosial (Siti Fatimah Tuzzahrah dan Kamarul Afizi, 2017). Serambi dibahagikan kepada tiga zon utama iaitu pangkal, tengah dan hujung yang melibatkan penggunaan yang berbeza seperti berkadim, pengisytiharan keputusan adat, meraikan tetamu kehormat dan ketua adat, merisik, bertunang serta nikah. Rentetan itu, ruangan pada rumah Melayu tidak dibina mengikut pelan yang statik, sebaliknya berkembang secara sistematik apabila melibatkan fungsi sosial dan adat. Penggunaan hierarki ruang telah menjustifikasikan ruangan sosial tersendiri sehingga membentuk kesinambungan simbolik antara struktur keluarga dan masyarakat. Keupayaan struktur ini untuk menampung pelbagai fungsi tanpa menjejaskan penggunaan asal telah memperlihatkan sifat kesinambungan adaptif yang menjadi asas kepada dinamik perubahan ruang. Prinsip ini secara tidak langsung dicerminkan melalui konteks Rumah Bujang di Terengganu apabila wujudnya ruangan tambahan seperti serambi dan anjung untuk mengimbangi keperluan sosial. Justeru, evolusi perkembangan rumah ini dilihat telah mencipta satu sistem ruangan yang hidup dalam tipologi struktur tersebut.

Perkembangan evolusi seni bina Rumah Bujang di Terengganu memperlihatkan struktur asas melalui perkembangan bilangan tiang dan pelan ruangan. Struktur rumah ini membolehkan penambahan ruang secara berperingkat di bahagian hadapan, sisi atau belakang rumah. Perubahan bentuk dalam Rumah Bujang ini telah menunjukkan penekanan terhadap tiang yang pada asalnya berperanan sebagai struktur utama bagi menampung beban ruang kediaman telah membawa kepada elemen penting yang menandakan status sosial pemilik dan kegunaan sosial. Kajian oleh Ismail et al., (2021) menunjukkan bahawa evolusi seni bina tradisional di Negeri Sembilan didasari dengan struktur yang sepadan iaitu berlakunya peningkatan bilangan tiang sebagai asas pengelasan tipologi yang bermula daripada sembilan, dua belas, enam belas dan dua puluh batang tiang. Bentuk rumah dua belas tiang dengan satu serambi mendominasi dalam seni bina tradisional Negeri Sembilan. Rumah tersebut menunjukkan wujudnya keseimbangan keperluan struktur, fungsi dan simbolisme adat yang dipengaruhi oleh sistem matrilineal. Walaupun kedua-dua negeri ini menunjukkan kebergantungan kepada bilangan tiang sebagai nadi perubahan struktur, Terengganu melihatkan keterbukaan dari sudut adaptasi persekitaran sedangkan Negeri Sembilan mengekalkan identiti adatnya. Justeru, perkembangan evolusi Rumah Bujang merupakan representasi perjalanan binaan yang disesuaikan melalui konteks setempat.

Adaptasi tempatan yang unik dengan faktor geografi, sejarah, budaya dan ekonomi telah membentuk gaya seni bina Rumah Bujang Terengganu yang tersendiri. Binaan rumah berpanggung dengan lantai tinggi berfungsi sebagai laluan udara, bahkan cucuran atap dibiarkan terbuka untuk mengelakkan ruang di dalam rumah menjadi panas. Atap curam dibina bagi mempercepatkan pengaliran air hujan di bumbung disebabkan taburan hujan yang tinggi dan musim tengkujuh yang panjang (Halim Nasir, 1997). Manakala, acuan budaya maritim dan hubungan perdagangan dengan dunia luar khususnya negara jiran iaitu Thailand telah mewarnai binaan ini dengan kemasukan atap singgora secara meluas. Penggunaan sumber alam secara maksimum meliputi kayu dan buluh pula menunjukkan hubungan erat manusia terhadap sumber berkenaan (Abdullah, 2012). Misalnya, kayu cengal, kayu merbau, kapur, mersawa dan kayu seraya merupakan jenis kayu yang biasanya digunakan sebagai bahan binaan utama rumah ini.


Walau bagaimanapun, status ekonomi pemilik adalah pemangkin kepada evolusi Rumah Bujang kerana melibatkan penambahan dari segi elemen struktur binaan khususnya elemen pemeleh, binaan serambi dan ragam hias.

Struktur binaan Rumah Bujang di Terengganu menunjukkan pemahaman mendalam berkaitan dengan kaedah pembinaan rumah dari sudut ketukangan tempatan. Pembinaan rumah Melayu tradisional tanpa paku merupakan keunikan yang tidak asing lagi. Penggunaan tanggam sebagai sambungan kayu sebagai kunci atau pengikat memperlihatkan kecekapan teknikal pada binaan struktur dahulu. Sistem ini memudahkan proses pemasangan semula sehingga dapat memastikan struktur ketahanannya. Menurut Kamarul Afizi dan Yunus (2018), sistem tanggam mewakili salah satu teknologi yang paling halus dalam pembinaan Melayu. Penemuan tipologi tanggam menunjukkan jenis tanggam yang digunakan berbeza mengikut kedudukan dan beban yang ditanggung. Pengkhususan terhadap tiga jenis tanggam meliputi *cluster* 1 iaitu *mortise and tenon*, *cluster 2* iaitu *mount, angled and groove* dan *cluster 3* melibatkan *tongue and groove*. Sifat tanggam yang membolehkan komponen disambung, diganti dan dipindah telah membolehkan rumah Melayu tradisional berkembang secara berperingkat. Walaupun pengubahsuaian perkembangan berlaku, namun kestabilan struktur utama tidak terganggu. Misalnya, pengaplikasian tanggam pada rumah Daeng Haddadek di Johor membuktikan keutuhan struktur dan simbolisme budaya diintegrasikan menunjukkan kecerdasan teknikal (Rahman et al., 2022). Oleh itu, kearifan tempatan yang dizahirkan pada Rumah Bujang ini memperlihatkan ilmu ketukangan ini mempunyai falsafah tempatan dengan penyesuaian struktur dan ruang berteraskan kepada pemahaman dan penghayatan.

Evolusi yang diketengahkan melalui sentuhan kearifan tempatan telah mencorakkan kepada fleksibiliti struktur pada Rumah Bujang di Terengganu. Penambahan yang berlaku menunjukkan reka bentuk tradisional tidak bersifat statik tetapi memenuhi konteks sosial, masa dan keperluan hidup. Menurut Kamarul Afizi dan Lin Fang Yi (2024), identiti seni kebangsaan tidak semestinya terletak pada bentuk luaran, sebaliknya difahami sebagai terjemahan nilai budaya dan ekspresi seni bina yang mencerminkan adaptasi dan kesinambungan budaya tempatan. Misalnya, menara berkembar Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) mewakili penjelmaan identiti Malaysia yang berjaya melalui penyepaduan susunan geometri Islam, perlambangan kosmologi Melayu dan rasional struktur moden. Menerusi perspektif ini, Rumah Bujang dapat dilihat sebagai asas konsep identiti seni bina iaitu keupayaannya selari dengan fleksibiliti yang tertanam dalam ikon seni bina moden seperti Kuala Lumpur City Centre (KLCC). Walaupun kedua-dua seni bina ini berbeza dari sudut binaannya, namun penghayatan terhadap naratif budaya dan pengekalan identiti masih dilindungi. Maka, Rumah Bujang berdiri sebagai binaan vernakular yang melalui tafsiran budaya dan inovasi seni bina. Kebolehsuaian ini menunjukkan bahawa binaan struktur dahulu melalui proses kearifan tempatan yang panjang sehingga menentusahkan strukturnya tidak lapuk dek zaman.

Model Rajah 7 menampilkan lima tipologi Rumah Bujang yang menjadikan seni bina ini sebagai warisan unik yang perlu diberikan pendedahan dalam seni bina Melayu. Evolusi tipologi Rumah Bujang Terengganu membuktikan bahawa seni bina tradisional ini berkembang seiring dengan perubahan sosial tanpa meninggalkan prinsip budaya dan alam sekitar. Rumah Bujang telah menampilkan kearifan tempatan yang diterajui oleh pengamatan dan strategi penggunaan ruangan serta binaan struktur yang melambangkan kehalusan tinggi seni bina Melayu. Malah, perkembangan ini memperlihatkan transformasi daripada unit tunggal kepada binaan struktur yang kompleks berlaku secara bertahap mengikut kesesuaian. Oleh itu, konsep evolusi tipologi Rumah Bujang di Terengganu ini merangkumkan keterkaitan di antara kreativiti tukang dan simbolisme

budaya. Ketiga-tiga aspek ini saling bersandaran sehingga membentuk identiti rumah Melayu Terengganu yang unik dan mengangkat seni bina tradisional Melayu.



RAJAH 7. Evolusi perkembangan Rumah Bujang Terengganu yang bertunjangkan kearifan tempatan

KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis lima tipologi Rumah Bujang yang mempunyai perbezaan susun aturnya yang terbentuk melalui hubungan *rumah ibu* dengan ruang tambahan serta penggandaan unit binaan. Susunan ini menghasilkan variasi pelan dan tahap kerumitan organisasi ruang. Dapatan turut menunjukkan pembentukan Rumah Bujang dipengaruhi oleh pengetahuan dan kreativiti tukang, keadaan persekitaran, kemampuan kewangan serta status sosial pemilik. Hubungan antara bentuk binaan, susun atur dan pertimbangan tersebut memperlihatkan penerapan kearifan tempatan dalam pembentukan tipologi Rumah Bujang di Terengganu. Perbezaan tahap kerumitan ruang yang dikenal pasti dan diklasifikasikan sebagai lima tipologi Rumah Bujang di Terengganu menunjukkan peranan struktur berkenaan sebagai binaan asas vernakular Malaysia di negeri ini. Melalui pendedahan ini, kajian ini telah menegaskan bahawa tipologi Rumah Bujang di Terengganu bukan sahaja penting dalam warisan seni bina, bahkan manifestasi kearifan tempatan yang terserlah melalui fungsi, bentuk dan makna simbolik. Pendedahan yang dilakukan ini turut merujuk kepada penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan pengukuhan ilmu secara kolektif.

Penyelidikan masa depan harus mengembangkan dokumentasi merentas negeri di Malaysia. Analisis konseptual yang diunjurkan telah memberi asas kepada rangka kerja untuk wacana akademik dan kesedaran budaya bagi melestarikan seni bina tradisional ini. Pemodelan digital 3D pada struktur rumah di Malaysia perlu dilakukan bagi memelihara dan menyebarkan tipologi ini secara global. Tuntasnya, binaan seni bina Melayu tradisional bukanlah didasari oleh suatu binaan statik, sebaliknya dianggap sebagai bukti peradaban yang membentuk identiti negeri yang perlu dijulang tinggi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada sokongan kewangan dan teknikal untuk projek Skim Geran Penyelidikan Fundamental yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) di bawah geran (FRGS/1/2023/WAB10/UNISZA/02/1) dan Muzium Negeri Terengganu atas peranan mereka dalam memudahkan akses maklumat penyelidikan.

RUJUKAN

Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh. (1994). *Rumah Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Abdul Halim Nasir. (1997). Seni bina masjid dan rumah di Pahang. dalam. *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*, disunting oleh Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman et al., 162-182. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 16: 59-81.

Abdullah Sani Kamaluddin, Mohd Hisham Omar & Imran Abdullah. (2018). *Rumah Melayu: Tradisional Negeri Kelantan*: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Abdullah, M. Y. (2012). *Warisan Seni Bina Melayu Terengganu*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

Acharya, D. & Shrivastava, A. (2008). *Indigenous Herbal Medicine: Tribal Formulations and Traditional Herbal Practices.* Jaipur, India: Aavishkar Publishers & Distributors.

Aida Kesuma Azmin, Fadzidah Abdullah, Aliyah Nur Zafirah Sanusi, Zeenat Begam Yusof & Nayeem Asif. (2021). Sustainability of Malay wood craftmanship symbolism in deciphering Malaysia's architectural identity. Dlm. *Proceedings of DARCH 2021 1st International Conference on Architecture & Design*, 37-56.

Anderson, S. (1999). Memory without monuments: Vernacular architecture. *Traditional Dwellings and Settlements Review* 11(1) 13-22.

Azmal Sabil, Hanita Yusof & Nangkula Utaberta, N. (2022). Idea dan pemikiran senibina Melayu moden Razin Mahmood. *Journal of Design + Built* 15(1).

Bandini, M. (1984). Typology as a form of convention. *AA Files* 6: 73-82.

Berhanuddin Abdullah, Abdul Qahhar Ibrahim, Aisyah Dollah @ Abdullah, Mohamad Nurul Hafiz, Mohamad Zaidin Mohamad & Zawawi Yusoff. (2024). The success of da'wah in integrating islamic values into the cultural heritage of Terengganu. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(12): 3353-3365.

Brunskill, R.W. (2000). *Vernacular Architecture: An Illustrated Handbook*. Edisi ke-4. London: Faber & Faber.

Dendi Sutarto. (2013). Model Penyelesaian Konflik Berbasis Kearifan Lokal "Tepung Tawar" Pada Komunitas Talang Sejemput Lahat Sumatera Selatan. Palembang: Laporan Penelitian Fundamental Universitas Sriwijaya (tidak diterbitkan).

Dendi Sutarto. (2016). Kearifan budaya lokal dalam pengutan tradisi malemang di tengah masyarakat modernisasi di Sungai Keruh Musi Banyuasin Sumatera Selatan. *Jurnal Dimensi* 5(3): 1-20.

Fakhrur Razi Maamor, Sabzali Musa Kahn, Indirawati Zahid & Basitah Taif. (2024). Buah Button: Simbol Pengaruh Kedudukan Adat dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, *Akademika* 94(2): 129-162.

Flavier, J. M., De Jesus, A. & Navarro, C. S. (1995). The regional program for the promotion of indigenous knowledge in Asia. Dlm. *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems,* disunting oleh Warren, D. M., Slikkerveer, L. J. & Brokensha, D., 479-487. London: Intermediate Technology Publications.

Iryani Abdul Halim Choo, Mohd Sabrizaa Abd Rashid, Kartina Alauddin & Nazrul Helmy Jamaludin. (2021). The Malay principal form: A study of roof decorative elements of Rumah Limas Bumbung Perak. *Malaysian Journal of Sustainable Environment* 8(1): 57–70.

Izzati Zainal Abidin, Sumami Ismail, Siow May Ling, Nur Aina Abidah Mohd Hamdan & Siti Sara Sazli. (2024). A critical discourse analysis physical characteristics of traditional Terengganu architecture as a tourist attraction on the east coast of Peninsular Malaysia: A case study of Terrapuri Heritage Village in Terengganu. *Jurnal Pengajian Melayu* 35(1): 38-54.

Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabila Ahmad & Jamal Rizal Razali. (2016). Faktor-faktor keterancaman budaya material masyarakat Orang Asli Che Wong. *Journal of Education and Social Sciences* 5(2): 307-317.

Johan Ariff Ismail. (2024). *Rumah Kelantan Tiang 12: Sebuah Perjuangan Memartabatkan Warisan.* Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Kamarul Afizi Kosman & Leslie Ling Fang Yi. (2024). Kriteria penerapan elemen identiti kebangsaan pada bangunan pencakar langit berdasarkan kajian kes Menara Berkembar PETRONAS (KLCC). *Jurnal Kejuruteraan*, 36(6): 2519–2533.

Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim. (2007). Identiti seni bina Malaysia: Masalah dan penyelesaiannya. *Sari*: *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 25: 279-290.

Kostof, S., Castillo, G. & Tobias, R. (1995). *The History of Architecture: Settings and Rituals*. Oxford University Press.

Logan, J. R. (1849). Five Days in Naning, with a Walk to the Foot of Gunong Datu in Rembau. Dlm. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 3: 24-41.

Adam Broughton, Mazlan Mohd Tahir, Mastor Surat & Ismar MS Usman. (2023). *Kebitaraan rupa bentuk dan perancangan susun atur ruang rumah warisan Melayu dari sudut pandang orientalis abad ke-19. Jurnal Kejuruteraan*, SI 6(1): 339-352.

Mashitah Sulaiman, & Mohd Nazir Ahmad. (2021). Cabaran kesinambungan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia. Dlm. *E-Proceedings of the International Conference on Da'wah and Islamic Management (IC-DAIM).*

Mastor Surat, Mohd Arif Baharum, Ismar Minang Satotoy Usman, Azalillah Ramdani Musa & Norngainy Mohd Tawil. (2012). Mengenal pasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal of Design + Built* 5(1).

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2011). *Architecture and Nation Building*. UTM: Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin. (2022). Nilai estetika keindahan motif dan corak seni ukiran kayu Rumah Limas Belanda di Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 36-51.

Mohd Sabrizaa Abd Rashid & Iryani Abdul Halim Choo. (2025). The Islamic spectrum of Malay traditional architecture: Case study of Tok Abu Bakar Alang Ketak House. Dlm *Proceedings of the 15th Regional Symposium of the Malay Archipelago (Simpora XV: 2024),* 9-16. Perak: Universiti Teknologi MARA

Muhammad Faizal Nazmi. (2024). Resort Warisan Pahlawan usaha Pak Tun pertahan rumah tradisional Terengganu. *Bernama*, 18 Jun.

Muhammad Hadi Mustafa, Maisarah Ali, Kamsiah Mohd Ismail, Khairusy Syakirin & Mohamad Saifulnizam Suhaimi. (2019). Spatial analysis on Malay buildings for categorization of Malay historic BIM library. *International Transaction Journal of Engineering, Management, & Applied Sciences & Technologies*, 11(2): 1-17.

Najiha Jaffar & Nor Zalina Harun. (2020). The values of physical landscape in accommodating social sustainability of traditional Malay settlement. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 5(15): 405-412.

Nik Nur Syuhada Hamir Hamzah & Salahuddin Abdul Hakeem Abas. (2024). Exploring weaknesses in column construction: A case study of traditional Malay house architecture in Pahang. *International Journal of Business and Technology Management*, 6(S1): 222–234.

Noor Hayati Ismail, Mastor Surat & Kamil Yunus. (2021). Evolution of architectural heritage through typology of traditional houses in Negeri Sembilan. *International Transaction Journal of Engineering, Management & Applied Sciences & Technologies*, 12(12): 1-9.

Noraslinda Abdul Rahman, Mohd Hamdan Ahmad, Rohayu Daud, Siti Azira Abd Rahim, Nasrudin Sharkawi, Samsiah Abdullah, Wan Nur Rukiah Arshard & Sharifah Salwa Syed Mahdzar. (2022). Architectural Value in Tanggam System on the Traditional Malay House. Dlm. *Advances in Civil Engineering Materials* disunting oleh *Selected Articles from the International Conference on Architecture and Civil Engineering (ICACE2021)* (pp. 193-201). Singapore: Springer Nature Singapore.

Nordin Misnat, Mastor Surat, ISmar M. S. Usman & Norfazillah Ahmad. (2018). Re-adaptation of traditional Malay house concept as a design approach for vertical dwellings Malays. *International Journal of Engineering and Technology* 7(3): 1-4.

Nur Farhana Syazwanie. (2021). Keistimewaan rumah bujang berserambi selasar di Manir, Terengganu. Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan.

Oliver, P. (2006). *Built to Meet Needs: Cultural Issues in Vernacular Architecture*. Oxford: Architectural Press

Raja Bahrin Shah Raja Ahmad Shah. (1988). *The Terengganu Timber Malay House*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia

Ravi, S. S. (2006). *Defining „Vernacular": Changing Vernacular Houses around Varanasi,* UP (India) Durckheim 1925 Les formes elementaires de la vie religieuse. Felix Alcan Paris.

Saberi, A., Esmaweee Hj Endut, Sabarinah Sn. Ahmad, Motamedi, S. & Kariminia, S. (2015). Users' perceptions of different genders about calligraphic woodcarving ornamentations in Malaysian mosques. *Architecture Research* 5(2): 52–60

Sara Alsheikh Mahmoud, Huzaifa Hashim, Mohd Fazaulnizam Shamsudin & Hamza Alsheikh Mahmoud. (2024). Effective preservation of traditional Malay Houses: A review of current practices and challenges. *Sustainability* 16(11), 4773.

Shamsu Mohamad & Siti Suhaily Surip. (2016). Atap singgora pada senibina tradisional dan kontemporari di Pantai Timur. Kertas kerja dibentangkan dalam *2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology* (REKA 2016), 26-27 September, Pulau Pinang.

Siti Fatimah Tuzzahrah & Kamarul Afizi Kosman. (2017). The serambi of Negeri Sembilan traditional Malay house as a multifunctional space - role in custom (Adat). *Journal of Design and Built Environment*, 17(2), 37-50.

Tenas Effendy. 2013. *Tunjuk Ajar Melayu*. Pekanbaru: Tenas Effendy Foundation.

Wan Aida Annadwa Mohd Asri & Murni Zainal. (2023). The importance of Singgora roof tiles on traditional and contemporary building. Dlm. *e-Proceeding 6th Undergraduate Seminar on Built Environment and Technology (USBET) 202*3, 682-700.

Wan Jefri Wan Jaafar. (1984). *Rumah Tele Terengganu.* Projek pelajar Diploma Seni Bina yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi MARA.

Wan Zailani. (9 Februari 2021). Kenali Rumah Tradisional Melayu Di Semenanjung Malaysia. https://toponeproperty.my/2021/02/09/kenali-rumahtradisional-melayu-di-semenanjung-malaysia

Xanthaki, A. (2007). Indigenous Rights and United Nations Standards: Self-Determination, Culture and Land. Cambridge: Cambridge University Press.

Zumahiran Kamarudin. (2015). Long-roofed houses of northeastern Peninsular Malaysia: Sustainability of its identity in the built environment. *Procedia Environmental Sciences* 28: 698-706.

PENULIS:

HAFIZAH HASDI
Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE),
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia.
Emel: hafizah.hsdi@gmail.com

RUHAIZAN SULAIMAN (Penulis Koresponden)
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL),
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia.
Emel: ruhaizan@unisza.edu.my

KAMARUL AFIZI KOSMAN
Jabatan Seni Bina dan Alam Bina,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Emel: kamarulafizi@ukm.edu.my